MINISTRY OF NATURAL RESOURCES
AND ENVIRONMENTAL SUSTAINABILITY

UCAPAN ALU-ALUAN

YB DATO' SRI ARTHUR JOSEPH KURUP
MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM

BAGI

MAJLIS RESEPSI RAKAN STRATEGIK DAN PENAJA IGEM 2026

7 OKTOBER 2026 (RABU)
PUSAT KONVENSYEN KUALA LUMPUR (KLCC)

Selamat petang dan *Salam Malaysia Madani*.

1. **YB Tuan Syed Ibrahim Syed Noh**
   Timbalan Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam

2. **YBhg. Datuk Wira Anis Rizana Mohd Zainudin**
   Ketua Setiausaha, Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam

3. **YBhg. Datuk Nor Yahati binti Awang**
   Timbalan Ketua Setiausaha (Kelestarian Alam), Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam

4. **YBrs. Encik Saiful Adib bin Abdul Munaff**
   Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, MGTC

Rakan-rakan strategik, para penaja, hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian.

1. Selamat petang dan selamat datang saya ucapkan. Berada di sini bersama anda semua selaku penggerak bagi Persidangan dan Pameran Barangan Eko dan Teknologi Hijau Antarabangsa Malaysia ke-17 (IGEM 2026) merupakan satu penghormatan besar buat saya.

2. Majlis pada petang ini dianjurkan khusus untuk memperkukuh jalinan kerjasama dan menzahirkan penghargaan ke atas sokongan anda semua. Sebelum pameran dibuka secara rasmi kepada umum dan jadual persidangan yang padat bermula pada esok hari, saya ingin terlebih dahulu mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada pihak yang menjadi pendorong utama kejayaan IGEM, iaitu para rakan strategik, penaja, dan pempamer sekalian.

3. Sepanjang 17 tahun yang lalu, IGEM telah berkembang daripada satu inisiatif tempatan kepada sebuah hab kelestarian utama di peringkat rantau ini. Kejayaan ini tidak datang dengan sendiri, sebaliknya ia dibina atas keyakinan, pelaburan, dan wawasan bersama yang tuan-tuan dan puan-puan letakkan ke atas Malaysia.

4. Justeru, saya ingin menyampaikan penghargaan yang tidak terhingga kepada setiap organisasi yang menyokong usaha kami pada tahun ini:

    - **Rakan Strategik:** Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA)

- **Rakan Padanan Perniagaan:** Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE)
- **Penaja Emas:** Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan SAMAIDEN
- **Penaja Perak:** Toshiba
- **Penaja Gangsa:** ATE Energy, BioEneco, Dyness, Eve Energy, Gotion, HITHIUM, Hyper Strong, HYXI, InverPower, Leader Energy, SolarFirst, dan Sungrow
- **Rakan Media:** Bernama dan Malaysiakini
- **Penaja Jenama:** CESE, De Carton, GoodWe, dan Like Me Coffee
- **Syarikat Penerbangan Rasmi:** Malaysia Airlines dan Firefly

5. Kepada semua pempamer dan tetamu antarabangsa, terima kasih kerana sudi bersama-sama kami di Kuala Lumpur. Kehadiran anda membuktikan bahawa kemajuan sebenar dapat dicapai apabila kita menghimpunkan idea terbaik, teknologi terkini, dan komitmen yang teguh di bawah satu bumbung demi membina masa hadapan yang mampan. Anda semua adalah nadi utama IGEM.

Hadirin yang dihormati sekalian,

6. Tema kita pada tahun ini, "*Race Towards Net Zero: Action Beyond Boundaries*," mencerminkan cabaran iklim semasa yang memerlukan tindakan segera. Perubahan iklim tidak mengenal sempadan, begitu juga dengan penyelesaian yang perlu kita tampilkan. Komitmen dan sasaran menentukan hala tuju, namun

tindakan di lapangan yang akan membawa kita mencapai matlamat tersebut.

7. Kepelbagaian teknologi yang dipamerkan, daripada tenaga bersih dan pengangkutan pintar hinggalah kepada sistem pengurusan sisa kitaran, membuktikan bahawa masa hadapan lestari yang kita impikan kini menjadi semakin nyata. Saya menyeru anda semua untuk memanfaatkan persidangan ini sebaiknya bagi mentransformasikan perbincangan awal kepada peluang pasaran yang konkrit. Menghubungkan idea bernilai tinggi dengan modal dan pasaran adalah kunci utama dalam menterjemahkan komitmen kepada hasil yang nyata bagi Malaysia dan rantau ini.

8. Lebih daripada sekadar platform urus niaga perdagangan dan paparan teknologi, IGEM melambangkan komitmen bersama. Ia membuktikan bahawa apabila pihak kerajaan, industri, dan inovator duduk di satu meja yang sama, sasaran yang divisikan dapat direalisasi. Kehadiran anda pada petang ini mengukuhkan lagi peranan Malaysia sebagai penggerak utama pertumbuhan mampan di rantau ini.

Para hadirin yang dhormati,

9. Kesungguhan anda semua terhadap peralihan hijau ini jelas terbukti sebaik sahaja kita melangkah ke dewan pameran. Kreativiti yang ditunjukkan dalam menghasilkan setiap reka bentuk reruai adalah mengkagumkan. Sehubungan itu, bagi menghargai komitmen anda semua, saya berbesar hati memberikan pengiktirafan kepada usaha tersebut melalui

penyampaian Anugerah Reruai Terbaik IGEM 2026. Menilai dan memilih pameran terbaik sememangnya menjadi cabaran yang sukar buat para juri. Walau bagaimanapun, kesungguhan dan komitmen tinggi yang anda tunjukkan amat menyerlah. Tahniah diucapkan kepada semua pemenang dan peserta!"

10. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh warga kerja Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam serta Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation. Kerja keras anda telah memastikan penganjuran perhimpunan bertaraf dunia ini berjalan dengan lancar.

11. Sambil kita menikmati majlis petang ini, saya menggalakkan anda semua untuk memperluas rangkaian, bertukar pandangan, dan meneroka peluang-peluang baharu. Marilah kita melangkah ke hadapan sebagai rakan sepakat yang berjuang demi matlamat yang sama.

Selamat menikmati majlis ini. Saya doakan kejayaan yang cemerlang buat anda semua sepanjang IGEM 2026.

Terima kasih.